



### Bengkel Pengurusan Pusat Sumber bersama Sek.Men.Keb Kg. Soeharto

8 Julai 2019 - Bengkel ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengalaman kepada Pengawas Pusat Sumber sekolah tentang perkara yang berkaitan dalam pengurusan pusat sumber di sekolah. Aktiviti ini telah disertai seramai 44 orang pelajar bertempat di Bilik Seminar, PTB.



### Let's Talk @ UPSI Episod 6 : Jejak Patriot

16 Julai 2019 - Aktiviti Let's Talk@UPSI (Episod 6) dengan format TED Talk diteruskan oleh Profesor Madya Dr. Md Amin b. Md Taff (Timbalan mengupas tajuk "Jejak Patriot UPSI" yang telah diadakan di Auditorium, PTB. Aktiviti ini telah disertai seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada warga UPSI.



## Bengkel Pangkalan Data BLIS

25 Julai 2019 – Bengkel dan sesi konsultasi pangkalan data Bernama Library & Infolink Service (BLIS) yang telah disampaikan oleh En. Wan Rady bin Wan Abdul Rahman, Penolong Pengurus BERNAMA dan En. Izzul Zunnurrain bin Darusamin, Eksekutif Kanan BERNAMA. Bengkel ini telah disertai oleh pelajar dan pensyarah UPSI seramai 110 orang.



## English Language Activities bersama Tabika Kemas Parlimen Tanjung Malim

Julai - Ogos – Satu aktiviti English Language Activities yang dikendalikan oleh pelajar daripada Jabatan Bahasa Inggeris dan Literasi, Fakulti Bahasa dan Komunikasi telah diadakan bersama dengan kanak-kanak Tabika Kemas Parlimen Tanjung Malim seramai 363 orang bertempat di Bilik Seminar, PTB. Objektif aktiviti ini diadakan adalah untuk mengenal pasti aktiviti menghiburkan yang boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran B. Inggeris.



Tarikh : 25 Julai 2019 | Masa : 8:30 pagi | Bilangan : 123 orang  
Tabika Kemas Taman Sekolah Makmur, Tabika Kemas Bandar Behrang 2020 (1), Tabika Kemas Bandar Behrang 2020 (2), Tabika Kemas Bandar Behrang 2020 (3), Tabika Kemas Slim River.

Tarikh : 1 Ogos 2019 | Masa : 8:30 pagi | Bilangan : 84 orang  
Tabika Kemas Kg Kelawar, Tabika Kemas Proton City, Tabika Kemas Kota Malim Prima, Tabika Kemas Jakoa Sungai Lembing.

Tarikh : 8 Ogos 2019 | Masa : 8:30 pagi | Bilangan : 92 Orang  
Tabika KEMAS Kg. Ketayong, Tabika KEMAS Kg. Pauh Behrang Stesen, Tabika KEMAS Kg. Chinggong, Tabika KEMAS Tg. Malim, Tabika KEMAS Pos Berseh, Ulu Slim.

## Let's Talk@UPSI episod 7: Librarian & Writing

6 Ogos 2019 – Aktiviti Let's Talk@UPSI (Episod 7) dengan format TED Talk diteruskan oleh Dr. Edzan bt. Che Nasir (mantan Ketua Pustakawan Universiti Malaya) mengupas tajuk “Librarian and Writing” yang telah diadakan di ruang novel, PTB. Aktiviti ini telah disertai seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada warga UPSI.



## Bengkel “Publishing in Academic Journals – The Article Journey”

28 Ogos 2019 – Bengkel “Publishing in Academic Journals – The Article Journey” yang telah disampaikan oleh Mr. Berry D. Clarke, Managing Director Taylor & Francis Asia Pasific. Bengkel ini telah disertai oleh pelajar dan pensyarah UPSI seramai 81 orang bertempat di Auditorium, PTB.



## Hari Bersama Pelanggan Perpustakaan Tuanku Bainun

03 September 2019 – Perpustakaan Tuanku Bainun telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan bersempena dengan minggu orientasi pelajar baharu ambilan September sesi 2019/2020. Objektif diadakan aktiviti ini adalah untuk memberi ruang kepada pelajar untuk mengetahui perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan untuk pembelajaran sepanjang berada di UPSI.



## Let's Talk @ UPSI Episod 8 : Fail Pelajar : Bagaimana nota pensyarah berakhir menjadi buku dijual 164,000 naskhah.

3 September 2019 – Aktiviti Let’s Talk@UPSI (Episod 8) dengan format TED Talk diteruskan oleh Tuan Zamri Mohamad yang merupakan Jurulatih Penulisan & Konsultan Rumah Penulisan. Beliau telah mengupas tajuk “Fail Pelajar : Bagaimana nota pensyarah berakhir menjadi buku dijual 164,000 naskhah” yang telah diadakan di ruang novel, PTB. Aktiviti ini telah disertai seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada warga UPSI.



## Taklimat Perpustakaan Bagi Pelajar Baharu Ijazah Sarjana Muda

4 September 2019 – Taklimat pengenalan perpustakaan kepada semua pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda ambilan September sesi 2019/2020 telah dilaksanakan bertempat di Dewan Tuanku Canselor seramai 3,251 orang pelajar. Manakala bagi pelajar antarabangsa yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda, Program Mobiliti dan International Student Exchange Program (ISEP) seramai 116 orang telah hadir ke perpustakaan untuk diberi taklimat dan lawatan berpandu pada hari yang sama.



## Khidmat Bantu Nasihat Pusat Sumber SMK Sg. Keruit , Sungkai

6 September 2019 – Khidmat bantu nasihat dan bengkel pengurusan pusat sumber kepada pengawas pusat sumber telah diadakan di Pusat Sumber Baitul Hikmah, SMK Sg. Keruit, Sungkai. Ianya adalah bertujuan sebagai persediaan dalam mewakili daerah Batang Padang dan Muallim bagi Anugerah Pusat Sumber Cemerlang peringkat negeri.



## Taklimat Perpustakaan Bagi Pelajar Baharu Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah

8 September 2019 – Taklimat pengenalan perpustakaan kepada semua pelajar baharu Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah ambilan September sesi 2019/2020 telah dilaksanakan bertempat di Panggung Percubaan seramai 112 orang pelajar. Taklimat ini adalah lebih menjurus kepada pengajaran, pembelajaran dan penyeliaan yang disediakan oleh PTB kepada semua pelajar.



## Jelajah Pustaka di Politeknik Sultan Azlah Shah, Perak (PSAS)

11 September 2019 – Aktiviti Jelajah Pustaka yang dilaksanakan di PSAS telah disertai oleh 70 orang warga PSAS. Ianya adalah satu aktiviti yang diwujudkan untuk menyasarkan pertambahan keahlian luar PTB dari kalangan institusi serta agensi luar dan seterusnya kehadiran atau kewujudan PTB dapat dirasai oleh komuniti sekeliling. Di antara pengisian aktiviti ini adalah taklimat ringkas berkaitan PTB dan kaunter (booth) untuk memudahkan sesi pertanyaan.



## Jom Le Park De PTB

19 & 20 September 2019 – Aktiviti Jom Le-Park De PTB telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan seramai 1,241 orang pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda ambilan September 2019. Pengisian utama aktiviti ini adalah Sesi Literasi Maklumat dan pencarian bahan di perpustakaan. Objektif aktiviti ini adalah untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTB dalam membantu pelajar sepanjang pengajian di UPSI.



## Program Pantas Membaca (Program Khidmat Masyarakat)

21 September 2019 – Aktiviti program Pantas Membaca ini adalah salah satu program berbentuk khidmat masyarakat anjuran Pusat Bahasa dan Pengajian Umum (PBPU) dengan kerjasama PTB telah dilaksanakan bertempat di Auditorium, PTB. Penceramah aktiviti iaitu Pn.Nur Hidayah bt. Rashidi, pensyarah PBPU yang merupakan penulis Buku Pantas Membaca telah memenangi pingat emas dalam pertandingan Inovasi Pendidikan Peringkat Antarabangsa 2019. Aktiviti ini telah disertai seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada ibu bapa dan guru tadika / sekolah.



## Pesta Buku UPSI 2019 ke-17

25 - 28 September 2019 – PTB dengan kerjasama Pejabat Karang Mengarang meneruskan lagi aktiviti Pesta Buku UPSI 2019 ke-17 bertempat di PTB dengan pelbagai pengisian aktiviti keilmuan untuk warga UPSI dan masyarakat setempat. Pesta Buku UPSI ke-17 ini telah berjaya menerima kunjungan seramai 7,187 orang. Tiga aktiviti utama anjuran PTB sepanjang Pesta Buku UPSI ke-17 adalah :

- Wacana Sasterawan Negara
- Wacana Seni Tarian Dabus
- Sembang Santai Orang Muda



## Wacana Sasterawan Negara

25 September 2019 – Wacana Sasterawan Negara bersama Dato' Seri (Dr.) A. Samad Said yang berkongsi kisah "Satu perjalanan suka duka seorang Sasterawan Negara" telah dihadiri seramai 323 orang terdiri daripada warga UPSI dan masyarakat luar. Aktiviti ini juga telah dihadiri oleh Prof Datuk Dr. Mohamad Hatta Shahrom (Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka), pengurusan tertinggi universiti dan agensi luar.



## Wacana Seni Tarian Dabus

26 September 2019 – Wacana Seni Tarian Dabus diadakan bertujuan untuk berkongsi tentang kesenian dan keunikian tarian rakyat negeri Perak mendapat sambutan daripada warga UPSI seramai 150 orang. Wacana ini telah dibicarakan oleh Timbalan Yg Dipertua Majlis Kebudayaan Negeri Perak, Tuan Mohd Yusop Othman bersama penyambung warisan dabus, En. Mat Rosnan Hashim.



## Sembang Santai Orang Muda

27 September 2019 – Sembang Santai Orang Muda menampilkan Ikon Pelajar UPSI terdiri daripada pelbagai bidang bagi berkongsi cabaran dan rahsia kejayaan kepada 188 orang pelajar UPSI yang hadir dalam aktiviti tersebut. Tiga orang Ikon Pelajar UPSI yang menjayakan aktiviti ini adalah :

- Muhammad Amirul Mukmin Roslan (Ikon Kepimpinan)
- Sharifah Nabilah Syed Zahar (Ikon Selebriti)
- Emilna Suzanne Rapain (Ikon Sukarelawan)



**Lawatan Sekolah / Institusi / Delegasi ke  
Perpustakaan Tuanku Bainun**





Perpustakaan Negara  
Malaysia (PNM).



SMK Jelapang Jaya,  
Ipoh, Perak.

# e-Buletin Pustaka UPSI Edisi Jul-Sep 2019